



Kelantan manfaatkan projek ECRL pacu ekonomi negeri

Buletin بولين دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | MUHARRAM 1447H | 20-24 JUL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Tiada tolak ansur terhadap aktiviti bercanggah syariat Islam, keadilan bagi semua pihak – TMB Kelantan

Kelantan perkenal ‘Pasport Kuda’, langkah proaktif lindungi kebajikan haiwan

Kelantan fokus 46 peratus tenaga hidro, solar menjelang 2027

Kelantan kekal pertahan Tanah Rizab Melayu terluas di Malaysia

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Julai

– Negeri Kelantan mengekalkan rekod sebagai negeri yang memiliki keluasan Tanah Rizab Melayu terbesar di Malaysia, dengan keseluruhan negeri diwartakan sebagai Rizab Melayu kecuali sebahagian kecil kawasan yang dikekalkan di luar Rizab, mengikut Warta Kerajaan No.2044/2020.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dalam Sidang Dewan Negeri Kelantan Kali Kedua Bagi Penggal Ketiga, hari ini.

“Keluasan Tanah Rizab Melayu di Kelantan kini mencecah 1,361,114 hektar, bersamaan 91.1 peratus daripada keseluruhan negeri. Hampir semua perancangan pembangunan negeri dilaksanakan di atas tanah Rizab Melayu,” katanya menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman.

Menurutnya, kerajaan negeri melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memelihara status tanah Rizab Melayu sambil merancakkan pembangunan.

“Pendekatan pertama, kita membuka peluang pelaburan melalui projek berimpak tinggi. Kedua, memastikan apa juar pembangunan



tidak menjaskan atau mengurangkan keluasan Tanah Rizab Melayu. Ketiga, sebarang pembangunan di atas tanah Rizab Melayu hanya boleh dijalankan projek selepas mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri,” jelasnya.

Dalam penjelasan perbandingan, beliau turut memaklumkan bahawa Kelantan mendahului negeri-negeri lain dari segi keluasan Tanah Rizab Melayu, jauh meninggalkan negeri Perak (955,587.80 hektar), Kedah (829,782.06 hektar), Johor (561,787.83 hektar) dan Pahang (444,074.90 hektar).

“Alhamdulillah, Kelantan masih mengekalkan status negeri dengan Tanah Rizab Melayu paling luas di Malaysia,” katanya menjawab soalan ADN Mengkebang YB Zubir Abu Bakar.

Dalam sesi yang sama, ADN Galas YB Mohd Syahbuddin

Hashim turut merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri atas kejayaan mempertahankan keluasan tersebut. Beliau juga meminta penjelasan status tanah pajakan dan konsesi seperti Ladang Rakyat seluas 174 hektar dan 63.5 hektar, sama ada diambil kira sebagai Rizab Melayu.

Dato' Mohd Nassuruddin menjelaskan, Ladang Rakyat kekal termasuk di dalam Tanah Rizab Melayu. “Setelah tamat pajakan 30 atau 60 tahun, tanah itu tetap milik kerajaan negeri. Sama ada pajakan disambung atau tidak, bergantung kepada keputusan kerajaan negeri pada masa itu,” katanya.

Menjawab soalan ADN Pasir Tumbuh YB Dato' Abdul Rahman Yunus berkenaan dasar kerajaan negeri terhadap masyarakat orang asli pula, beliau menegaskan bahawa kerajaan sentiasa cakna dan pr-

“

Keluasan Tanah Rizab Melayu di Kelantan kini mencecah 1,361,114 hektar, bersamaan 91.1 peratus daripada keseluruhan negeri. Hampir semua perancangan pembangunan negeri dilaksanakan di atas tanah Rizab Melayu,”

ihat terhadap kebajikan komuniti tersebut.

“Kawasan rayau orang asli diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara 1995 dan diiktiraf aktiviti harian mereka selaras dengan Akta Orang Asli 1954,” jelas beliau.

Sementara itu, ADN Kota Lama YB Hafidzah Mustakim pula menyuarakan kebimbangan mengenai pajakan tanah kepada pihak bukan bumiputera.

Menjawab perkara itu, Menteri Besar menjelaskan bahawa kerajaan negeri tidak menjual tanah kepada bangsa lain. Sebaliknya, hanya menawarkan pajakan sehingga 60 tahun untuk tujuan pembangunan.

“Pajak dan jual adalah dua istilah yang jauh berlainan. Pajakan tanah dilaksanakan selaras dengan dasar pembangunan di seluruh negara,” jelasnya.



Tiada tolak ansur terhadap aktiviti bercanggah syariat Islam, keadilan bagi semua pihak – TMB Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 20 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang aktiviti yang bercanggah dengan syariat Islam, nilai moral dan adab ketimuran, demikian tegas Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan susulan polemik serbuan pihak polis ke atas sebuah acara yang didakwa sebagai ‘pesta seks sejenis’ di sebuah banglo di Kemumin, pada pertengahan Jun lepas.

Beliau berkata demikian sebagai respon terhadap pelbagai

pihak termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan, beberapa NGO dan individu tertentu yang menafikan kewujudan aktiviti tidak bermoral dalam acara tersebut.

“Kerajaan Negeri berdiri teguh dengan prinsip amar makruf nahi mungkar. Apa jua bentuk kemungkaran yang cuba dinormalisasikan tidak akan diberi ruang di Kelantan. Justeru, kita merakamkan penghargaan kepada PDRM atas tindakan tegas dan pantas berlandaskan prinsip mencegah kemungkaran,” katanya menerusi kenyataan rasmi, hari ini.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa prinsip keadilan perlu ditegakkan dan semua pihak yang terlibat wajar diberikan hak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

“Kebenaran wajib diutamakan. Kerajaan Negeri menyeru siasatan dijalankan secara rapi dan menyeluruh supaya tiada pihak menjadi mangsa fitnah atau salah

faham. Jika siasatan membuktikan wujudnya aktiviti terlarang, tindakan tegas mesti diambil. Namun, jika dakwaan pihak NGO benar, langkah pembetulan harus segera dilaksanakan,” tegasya.

Kenyataan media itu turut merujuk pengesahan Majlis AIDS Malaysia (MAC) yang menjelaskan bahawa satu sesi libat urus lapangan telah diadakan pada 17 Jun lalu di bawah model Perkhidmatan HIV Berbeza untuk Populasi Utama (DHSKP) dengan sokongan Kementerian Kesihatan.

Beberapa NGO termasuk Suaram, Women’s Aid Organisation (WAO), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Amnesty International Malaysia pula menegaskan para peserta hadir hanya untuk mendapatkan maklumat dan menjalani ujian kesihatan seksual, bukan untuk tujuan tidak bermoral seperti didakwa.

Dalam pada itu, kerajaan negeri menasihatkan agar mana-mana pi-

hak yang bercadang menganjurkan program yang berpotensi mencecah kontroversi, wajib mematuhi prosedur undang-undang dan mendapatkan kebenaran pihak berkuasa.

“Sekiranya benar para peserta datang dari luar Kelantan tanpa penglibatan rakyat negeri ini, fakta ini perlu diperjelas secara telus agar rakyat Kelantan tidak menjadi mangsa tuduhan tidak berasas,” katanya lagi.

Beliau menutup kenyataan dengan mengingatkan bahawa Kelantan akan terus istiqamah mempertahankan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan menjadikan prinsip syariat, keadilan dan hikmah sebagai tunjang pentadbiran.

“Semoga bumi Serambi Mekah ini terus terpelihara daripada fitnah zaman dan terus menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dalam menegakkan kebenaran dengan adab dan hikmah,” ujarnya.

Mawaddah Center berjaya selesaikan 288 kes masalah sosial, keluarga



Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 21 Julai – Sejak penubuhannya pada tahun 2021 hingga Mei 2025, sebanyak 288 daripada 293 kes yang didaftarkan telah berjaya diselesaikan.

Fungsi utama penubuhannya oleh kerajaan negeri adalah sebagai pusat aktiviti keluarga yang menyediakan pelbagai program, khidmat nasihat, bengkel, runding cara dan juga motivasi kepada masyarakat setempat.

Demikian kenyataan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penyeungan dan Hubungan Serantau YB Mohd Asri Mat Daud di Persidan-

gan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2025, hari ini.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri sentiasa mengambil peranan dalam menyelesaikan konflik kekeluargaan yang berlaku, pelbagai inisiatif serta program telah dirancang dan dilaksanakan.

“Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah penubuhan Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti (PKKSK) yang telah pun ada di setiap jajahan dan pusat ini menjadi sosial center kepada orang ramai untuk mendapat khidmat nasihat, bantuan sosial dan sebagainya,” ujarnya.

Tambahnya lagi, kerajaan negeri juga telah menubuhkan Darul Auni iaitu Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan yang berfungsi sebagai pusat perlindungan sementara secara percuma kepada wanita yang berhadapan dengan pelbagai bentuk masalah termasuk-

lah mangsa penderaan rumah tangga, mangsa seksual serta keskes yang dirujuk di mahkamah.

“Sejak penubuhannya pada tahun 2021 sehingga 2024, seramai 93 orang penghuni telah diberi perlindungan serta rawatan.”

Beliau berkata demikian ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkenaan usaha atau inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani pelbagai isu yang melibatkan kekeluargaan.

Sementara itu, jelas YB Mohd Asri lagi, pelbagai program turut dilaksanakan oleh kerajaan negeri seumpama program Motivasi Kekeluargaan dan Remaja yang menyasarkan pelajar sekolah menengah, Seminar Keibupapaan,

Menjiwai Akhlak Rasulullah SAW yang disasarkan kepada penjawat awam dan masyarakat awam, Forum Mahasiswa, Jauhi Gejala Sosial disasarkan kepada mahasiswa

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih dan Program Ceramah Tangani Gejala Sosial kepada sekolah menengah di setiap jajahan.

“Selain itu, program-program yang lain melibatkan masyarakat B40 serta penduduk luar bandar termasuk aktiviti Sambutan Hari Suami Isteri Peringkat Negeri Kelantan, Program Raikan Cinta, Program Bina Keluarga, Program Karnival Keluarga Darulnaim, Sambutan Hari Keluarga Mawaddah, Bengkel Ibu bapa Muda di setiap DUN, Seminar Rumah Tangga Berkat, Program Bengkel Pendengar Setia dan lain-lain program,” jelasnya.



Kelantan perkenal ‘Pasport Kuda’, langkah proaktif lindungi kebajikan haiwan

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 20 Julai – Kelantan mencatat sejarah tersendiri apabila memperkenalkan sistem ‘Pasport Kuda’ melalui program pendaftaran mikrocip bagi meningkatkan kebajikan dan kawalan data haiwan di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebanyak 100 ekor kuda telah didaftarkan dengan Kad Pengetahuan Haiwan yang dilengkapi mikrocip pada Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Peringkat Kebangsaan 2025 di sebuah resort di Nipah, pada Sabtu.

“Inisiatif ‘Pet Passport’ Kuda ini merupakan satu permulaan penting untuk memastikan setiap haiwan peliharaan mempunyai rekod identiti yang sah. Usaha ini akan diperkasa secara berperingkat kepada haiwan peliharaan lain,” katanya.

Beliau menegaskan, sistem pengetahuan haiwan bukan sahaja meningkatkan tahap akauntabiliti pem-



ilik tetapi juga membantu agensi berkaitan dalam menyalurkan bantuan, memantau kebajikan haiwan dan menyusun data ternakan secara lebih terurus.

“Jika pemilik benar-benar prihatin dan komited, haiwan peliharaan akan dijaga seperti ahli keluarga sendiri. Inilah budaya yang kita mahu suburkan dalam masyarakat,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sambutan berkenaan yang bertemakan ‘Pemilik Prihatin, Haiwan Terjaga’ yang turut dihadiri Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr. Akma Ngah Hamid, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan

Dr. Yahasmida Yaacob, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UMK Prof. Madya Dr. Mohd Farhan Hanif Reduan dan Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar Ibu Pejabat Putrajaya Dr. Mohammad Razli Abdul Razak.

Dalam pada itu, Dato’ Tuan Mohd Saripudin juga memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan turut memperkuuh agenda jaminan makanan dengan peruntukan RM6.79 juta pada tahun ini bagi memacu sektor pertanian dan penternakan.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, RM2.8 juta disalurkan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK)

untuk beberapa projek pembangunan utama termasuk membangunkan tanah Agrovalley Rong Che-nok di Pasir Mas.

Projek tersebut melibatkan pembinaan reban ayam automatik, pusat akuakultur ikan air tawar dan penambahbaikan infrastruktur pengairan bagi mengurangkan kebergantungan negeri terhadap sumber makanan impor.

“PKPNK juga merancang tiga lagi projek ternakan untuk tahun 2025 yang melibatkan lembu, ayam kampung dan ikan kerapu. Ini bukti sektor penternakan kekal menjadi teras utama negeri, bukan sahaja untuk pembangunan malah kesejahteraan haiwan,” katanya.

Kelantan manfaatkan projek ECRL pacu ekonomi negeri



Oleh: Mohamad Farhan Fauzai

KOTA DARULNAIM, 21 Julai 2025 – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkuuh perancangan strategik bagi memanfaatkan sepenuhnya projek Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang dijangka menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negeri, khususnya dalam sektor perkilangan, pembuatan dan logistik.

Antara projek utama yang dirangka ialah pembangunan berdasarkan Cargo-Oriented Development (COD) yang akan dilaksan-

akan di Stesen ECRL Pasir Puteh. Lokasi stesen ini yang berhampiran dengan Pelabuhan Tok Bali dilihat berpotensi besar menarik pelabur tempatan dan antarabangsa, selain merangsang pertumbuhan ekonomi hilir seperti perkhidmatan pengangkutan, pembungkusan dan pembekalan bahan mentah.

“Antara infrastruktur yang dirancang termasuk pembinaan gudang, pusat pengedaran dan perkilangan. Ini diyakini mampu menarik minat pelabur luar serta membuka peluang pekerjaan baharu kepada rakyat tempatan,” kata Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Dato’ Hassan, menjawab soalan pada Persidangan Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 di sini, hari ini.

Selain COD, pembangunan berdasarkan Transit-Oriented Development (TOD) turut dirancang di Stesen ECRL Tunjong. Projek ini

berkonsepkan integrasi pengangkutan awam dengan kawasan pembangunan bercampur merangkumi kediaman moden, zon komersial, institusi pendidikan serta pusat perniagaan.

“Pembangunan TOD ini dijangka membentuk bandar baharu yang mampan, menyeimbangkan ekosistem ekonomi melalui peningkatan mobiliti rakyat, peluang pekerjaan dan kualiti hidup,” tambahnya.

Menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan mengenai jajaran asal ECRL ke Tumpat, Dr. Fadzli menjelaskan bahawa jajaran berkenaan kini dicadang untuk disambung ke Rantau Panjang, menggantikan perancangan awal ke Tumpat.

“Cadangan ini bagi memastikan ia selari dengan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand yang akan menghidupkan semula laluan keretapi sedia ada

dari Pasir Mas ke Sungai Golok di bawah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Bagaimanapun, projek ini masih di peringkat kajian,” katanya.

Projek ECRL yang dijangka siap menjelang 2027 dilihat mampu menghubungkan Kelantan secara lebih efisien dengan wilayah Pantai Timur lain serta Lembah Klang, sekali gus melonjakkan pertumbuhan ekonomi setempat selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam.



Kelantan fokus 46 peratus tenaga hidro, solar menjelang 2027

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Julai — Kerajaan Negeri Kelantan memfokus dua sumber tenaga boleh diperbaharui (TBB) iaitu 46 peratus tenaga hidro dan tenaga solar sebagai sebahagian daripada agenda kelestarian negeri selaras dengan dasar tenaga mampan negara.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan bahawa beberapa projek besar sedang dilaksanakan, termasuk Loji Hidro Pergau Sultan Ismail Petra berkapasiti 600 MW, menjadikannya loji hidro bawah tanah terbesar di Semenanjung sejak tahun 2003.

Turut menyumbang ialah Hidro Sungai Kenerong (20 MW) dan projek solar terapung Danau Tok Uban yang kini diiktiraf sebagai ladang solar terapung terbesar di Malaysia dengan kapasiti 60 MW sejak Januari 2025.

“Kerajaan negeri juga sedang menyiapkan Empangan Hidroelektrik Nenggiri (Nenggiri HEP) berkapasiti 300 MW yang dijangka siap menjelang tahun 2027, projek hidro tunggal terbesar milik Tenaga Nasional Berhad di negeri ini.

“Di samping itu, di Pergau, projek hibrid hidro-solar berkapasiti 45 MW dengan sistem penyimpanan tenaga (BESS) turut dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026,” katanya ketika menjawab soalan ADN Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah dalam Sidang Dewan Negeri Kali Kedua Penggal Ketiga, hari ini.

Dalam masa sama, projek so-



lar darat di Rantau Panjang di bawah program Large Scale Solar 5 (LSS5) dijangka mula beroperasi dengan kapasiti hampir 100 MW, melalui kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan Samaiden Berhad. Projek tersebut dijangka menghasilkan 150 GWh setahun.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri turut merancang rangkaian projek hidro sungai di bawah syarikat Serasa dan Kemubu dengan kapasiti gabungan hampir 60 MW yang akan dibiayai melalui pembiayaan sukuk hijau.

Bagaimanapun, Dato' Wan Roslan menjelaskan bahawa meskipun lebih 95 peratus kapasiti penjanaan tenaga Kelantan datang daripada sumber hijau, kadar penyerapan ke Grid Nasional masih terbatas disebabkan kekangan sambungan.

“Pada tahun 2025, dianggarkan 31 peratus permintaan tenaga elektrik negeri dijana melalui sumber boleh diperbaharui. Peratusan ini dijangka melonjak kepada sekurang-kurangnya 46 peratus menjelang 2027 selepas projek-projek utama siap sepenuhnya,” jelas-

ya.

Menjawab soalan tambahan YB Nik Bahrum, beliau turut menegaskan penglibatan syarikat tempatan dan anak syarikat kerajaan negeri (GLC) amat signifikan dalam memperkuuh sektor teknologi hijau.

Dato' Wan Roslan juga memaklumkan bahawa Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings (KUM) bersama Cypark Resources Berhad telah menyiapkan ladang solar terapung Danau Tok Uban. PKINK pula bekerjasama dengan Samaiden Group Berhad membangunkan ladang solar 100 MW di tanah milik PKINK, Rantau Panjang.

Jelasnya lagi, pada bulan Mei yang lalu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menjalankan kerjasama dengan syarikat Samaiden Group Berhad bagi pembinaan ladang solar berkapasiti 100 Megawatt (MW) di atas tanah milik PKINK di Rantau Panjang.

“Pada minggu lepas pula, Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings (KUM) telah berjaya memperoleh kuota daripada Sustainable Energy Development Authority (SEDA)

“

Pada tahun 2025, dianggarkan 31 peratus permintaan tenaga elektrik negeri dijana melalui sumber boleh diperbaharui. Peratusan ini dijangka melonjak kepada sekurang-kurangnya 46 peratus menjelang 2027 selepas projek-projek utama siap sepenuhnya,”

bagi pembinaan sebuah loji mini hidro di Gua Musang.

“Beberapa syarikat pembuatan seperti Rohm Semiconductor, Ain Medicare dan Erawan Bottling juga dilaporkan telah memasang sistem solar bumbung di premis masing-masing sebagai usaha mempelbagaikan sumber tenaga bersih.

“Tiga projek mini hidro hasil usaha sama Malakof dan RP Hidro Kelantan sedang giat dibangunkan di Kuala Krai, manakala syarikat Sindiyan turut memohon membangunkan ladang solar 100 MW di Lojing.

“GLC KUM sejak tahun 2016 menjadi wakil negeri di pentas IGEM pameran teknologi hijau terbesar negara bagi menarik pelabur dan mempromosi kelestarian alam sekitar di Kelantan,” jelasnya.

Tambahnya, pelaksanaan inisiatif teknologi hijau di Kelantan juga disokong oleh komitmen syarikat tersenarai awam melalui pelaksanaan mandatori ESG, di samping mendokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan yang dilancarkan sejak tahun 2019.



Kelantan perhebat kempen kebersihan, kukuh penguatkuasaan melalui PBT



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited dalam mempertingkatkan kesedaran kebersihan dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai langkah berterusan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, antara inisiatif utama kerajaan negeri ialah penganjuran kempen berterusan seperti ‘Kempen Kelantanku Bersih’ serta program gotong-royong perdana yang melibatkan kerjasama agensi kerajaan dan komuniti setempat.

“Kerajaan negeri telah mengadakan kempen yang berterusan seperti ‘Kempen Kelantanku Bersih’, gotong-royong perdana yang melibatkan kerjasama an-

tara agensi kerajaan dan komuniti setempat. Kempen ini telah lama dilaksanakan dan berterusan sehingga sekarang,” katanya semasa menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir, YB Mohamad Nasriff Daud pada Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas Tahun 2025, hari ini.

Tambah beliau, maklumat berkaitan program kebersihan juga disebarluaskan secara aktif melalui media sosial, poster serta risalah kesedaran di tempat awam, sekolah dan rumah ibadat. Beliau turut menyeru agar semua wakil rakyat menyokong usaha ini dengan mengikuti dan menyebarkan maklumat yang dikongsi oleh PBT di media sosial.

Katanya lagi, kerajaan negeri turut mempergiat pendidikan kebersihan kepada komuniti melalui kerjasama dengan sekolah dan institusi pendidikan. Inisiatif ini termasuk menerapkan nilai sivik berkaitan penjagaan kebersihan dan alam sekitar di semua peringkat masyarakat.

“Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat, pelbagai insentif dan pengiktirafan turut diperkenalkan melalui pertandingan Kelantanku Bersih. Anugerah ini

merangkumi 12 kategori termasuk PBT cemerlang, taman awam terbersih, tandas awam terbersih serta pengurusan kebersihan terbaik oleh persatuan taman perumahan,” ujarnya.

Dalam aspek penguatkuasaan pula, YB Hilmi menjelaskan bahawa PBT kini menjalankan rondaan dan pemantauan berkala di kawasan yang dikenal pasti berisiko menjadi lokasi pembuangan sampah haram.

“Penguat kuasa PBT akan sentiasa membuat rondaan sama ada menggunakan motosikal, pacuan empat roda serta pemantauan menerusi kamera litar tertutup (CCTV),” ujarnya.

Katanya lagi, tindakan penguatkuasaan turut melibatkan pengeluaran notis amaran, kompaun dan pendakwaan terhadap individu atau premis yang melanggar peraturan kebersihan di bawah undang-undang kecil PBT.

“PBT juga memanfaatkan teknologi melalui sistem aduan awam dalam talian yang membolehkan masyarakat melaporkan pelanggaran peraturan kebersihan dengan lebih mudah dan cepat.

“Contohnya, kalau nampak orang meletakkan plastik sampah di atas bonet kereta di tengah jalan, ambil gambar dan lapor kepada

PBT melalui sistem aduan awam. Dengan maklumat ini, PBT boleh ambil tindakan berdasarkan bukti,” katanya.

Selain itu jelas YB Hilmi lagi, pemantauan moden turut dijalankan di rumah sampah dan kawasan pelupusan dengan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV). Kaedah ini bukan sahaja membantu PBT memantau aktiviti pembuangan sampah, tetapi juga mengesahkan kes vandalisme serta menyokong tindakan penguatkuasaan berdasarkan bukti.

“Langkah-langkah yang diamalkan oleh PBT tersebut dapat membantu mengurangkan pelanggaran undang-undang kecil berkaitan kebersihan, sekaligus menyokong misi menjadikan Kelantan sebuah negeri yang bersih dan sejahtera,” ujarnya.



Kerajaan negeri prihatin keselamatan pengguna, jalan Jeli-Gerik diangkat naik taraf



Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 24 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan keprihatinan ter-

adap keselamatan pengguna jalan raya dengan mengambil langkah proaktif mengangkat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menaik taraf Lebuhraya Jeli–Gerik,

laluan penting yang sering menjadi tumpuan rakyat dan pelancong.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan telah menyerahkan permohonan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) merangkumi beberapa komponen penambahan kritikal.

“Antara penambahan yang dicadangkan ialah pemberian cerun, pembinaan lorong memo-tong, penambahan saluran paip

logam bergelung (Corrugated Metal Pipe – CMP), pemasangan New Jersey Barrier (NJB) di lokasi berisiko dan pemasangan lampu solar bagi pencahayaan yang lebih selamat pada waktu malam,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato' Abdul Hadi Awang Kechil, pada Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15, di Kota Darulnaim, pada Rabu.

Kerajaan negeri perkukuh sekuriti makanan melalui penetapan KPI GLC pertanian



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 21 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu kepada semua syarikat pertanian milik kerajaan (GLC) sebagai usaha memperkuh sekuriti makanan negeri.

Menurut YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, penetapan KPI tersebut melibatkan beberapa saluran penting termasuk sasaran tahunan syarikat, Halatuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) 2024–2028, Dasar Pertanian Negeri Kelantan 2021–2025 serta pelaksanaan projek flagship portfolio.

“Sebagai contoh, syarikat yang menunjukkan prestasi memberangsangkan ialah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) yang telah melaksanakan projek tanaman sayuran secara hidroponik melibatkan sebanyak 60,000 pot serta tanaman cili secara fertigasi. Usaha ini telah mula membawakan hasil apabila PKPNK berjaya membekalkan kira-kira satu tan sayuran berdaun setiap minggu serta dua tan cili bagi setiap pusangan kepada pasaran tempatan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 bagi menjawab soalan ADN Chetok YB Zuraidin Ibrahim berkaitan penetapan KPI kerajaan negeri kepada semua syarikat GLC yang menyumbang kepada Sekuriti Makanan Negeri serta pencapaianya.

Sementara itu, ujarnya lagi bagi memaksimumkan lagi hasil pengeluaran, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

telah meluluskan beberapa peruntukan baharu untuk tanaman cili fertigasi, melon dan bawang di kawasan Agrovalley Rong Chenok bagi tahun 2024–2025.

Kelantan Bio-tech Corp Sdn Bhd (KBCSB), sebuah syarikat GLC di bawah Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), turut menyumbang secara signifikan dalam menjayakan agenda sekuriti makanan negeri. Antara pencapaian KBCSB ialah pembangunan Tanah Rizab Haiwan dan tanah terbiar seluas 135 ekar daripada keseluruhan 150 ekar di Gong Datok.

Selain itu, Kelantan BioART Centre yang berfungsi sebagai pusat pengeluaran semen beku ternakan telah mula beroperasi dan berjaya menghasilkan produk percubaan straw semen. Dalam masa yang sama, KBCSB juga membangunkan projek tanaman rumput minyak seluas 50 ekar di Jeram Pasu, Pasir Puteh bagi tujuan penghasilan makanan ruminan.

Pusat Nurseri Semaian yang diusahakan syarikat tersebut juga telah

beroperasi sepenuhnya dan mampu menampung sehingga 30,000 benih tanaman pada satu-satu masa termasuk benih pisang kultur tisu, sayur-sayuran dan pokok buah-buahan.

Turut terlibat dalam menjayakan inisiatif ini ialah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang melaksanakan beberapa projek flagship penting sebagai sebahagian daripada KPI mereka. Antara projek utama yang dijalankan oleh KPKB ialah Kilang Padi & Beras Darulnaim Sdn. Bhd., Kilang Makanan Ternakan serta Program Gerakan Pertanian Al-Falah yang memberi fokus kepada pembangunan agroekonomi dan kebajikan masyarakat.



Usaha bersepadu syarikat negeri perkasa industri pertanian makanan



Oleh: Che Maziah Mat

KOTA DARULNAIM, 23 Julai : Syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian makanan negeri melalui pelbagai projek dan inisiatif.

Menurut Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, antara syarikat yang terlibat dalam pembangunan ini termasuklah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) dan Kelantan Biotech Corporation

Sdn. Bhd (KBCSB).

Katanya, KPKB telah melaksanakan pelbagai projek pertanian termasuk Projek Pembangunan Tanah Terbiar yang melibatkan kawasan seluas 49.4 ekar dengan penyertaan seramai 18 orang peserta. Projek ini merangkumi tanaman seperti tembakau, ubi keledek, timun batang dan labu.

Sementara itu, Projek Fertigasi melibatkan kawasan seluas 18.87 ekar dengan penyertaan 30 peserta dari Jajahan Bachok dan Tanah Merah, melibatkan penanaman sebanyak 30,000 polibeg. Selain itu, tanaman bawang turut diusahakan di kawasan seluas 20 ekar di Pasir Mas dan Tanah Merah.

Projek tanaman Harum Manis pula dilaksanakan di kawasan seluas 10 ekar di Bachok dengan penglibatan 10 peserta. Sementara itu, projek ternakan ayam penelur dijalankan di kawasan seluas 0.0861 ekar (150 kaki persegi) melibatkan penyertaan 25 peserta.

Dalam masa yang sama, PKPNK sedang membangunkan Projek Agrovalley Rong Chenok di Pasir

Mas yang melibatkan kawasan seluas 270 ekar. Projek ini merangkumi penanaman sayur secara hidroponik, cili secara fertigasi, reban ayam automatik bertutup, pusat pemberian ikan air tawar, serta ternakan lembu pedaging baka Charolais.

Bagi tahun 2025 hingga 2026, beberapa projek tambahan akan dilaksanakan seperti tanaman rumput Napier untuk makanan ternakan, tanaman buah Melon Madu Kelantan dan tanaman pisang sebagai sumber pertanian baharu.

Selain itu, KBCSB turut menyumbang dalam bidang bioteknologi pertanian dengan menghasilkan dan mempromosikan anak benih pisang berkualiti melalui teknik kultur tisu. Nurseri seluas 1 ekar di Machang mampu mengeluarkan sehingga 10,000 anak benih sebulan.

KBCSB juga membangunkan Green Valley Bio Park di Lojing seluas 50 ekar untuk pertanian tanah tinggi seperti tanaman tomato, sawi organik, lada benggala dan jagung manis. Di samping itu, Projek Kelantan Bio Valley seluas 150 ekar turut dirancang, merangkumi tanaman

nanas, pisang, durian serta ternakan ikan dan lebah kelulut secara bersepadu.

Sementara itu, syarikat Darul Naim Agromanagement Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) yang merupakan syarikat milik kerajaan negeri, telah memanfaatkan hampir 150 ekar tanah untuk tujuan pengeluaran makanan. Projek tanaman yang dilaksanakan oleh DAMAI meliputi tanaman jagung seluas 50 ekar di kawasan Kandis, Gaal; tanaman nenas seluas 24 ekar di Machang dan Selising; serta tanaman durian di kawasan Relai dan Seligi yang melibatkan keluasan 61 ekar. Selain itu, tanaman kelapa turut diusahakan di atas kawasan seluas lima ekar di Tembesu, Bachok, manakala tanaman ubi keledek diusahakan di kawasan seluas 10 ekar di Telong, Bachok.

Beliau menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin daripada Daibong dengan soalan apakah prestasi Syarikat milik kerajaan negeri dalam menyumbang kepada hasil pertanian makanan dan berapakah keluasan tanah yang telah diusahakan.



Kerajaan negeri prihatin keselamatan pengguna, jalan Jeli-Gerik diangkat naik taraf

ISSN 1311-6891 | MUHARRAM 1447H | 20-24 JUL 2025

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

1000 pelumba sertai Larian Guillemard 2.0, acara lumba perahu diperkenalkan tahun depan

Oleh: Norzana Razaly

TANAH MERAH, 20 Julai – Seramai 1000 pelumba terdiri daripada 800 orang ramai dan 200 penjawat awam menyertai Larian Guillemard 2.0 bersempena ulang tahun ke-101 jambatan kereta api bersejarah itu, pada Sabtu.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata kerajaan negeri bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan terus menambah elemen berkaitan sejarah jambatan untuk menarik pelancong.

“Kerajaan negeri merancang menaik taraf acara larian ke peringkat antarabangsa dengan kerjasama KTMB, termasuk mengadakan lar-



ian di atas jambatan kereta api yang merentasi Sungai Kelantan.

“Acara lumba perahu juga akan diperkenalkan di Sungai Kelantan berhampiran Jambatan Guillemard mulai tahun hadapan. Acara ini sebagai produk pelancongan baharu, melengkapi acara larian yang telah dimasukkan dalam kalender pelan-

congan negeri,” katanya ketika merasmikan acara, semalam.

Hadiyah lumayan berupa wang tunai dan medal dihadiahkan kepada pemenang iaitu RM200 untuk juara, RM150 naib juara, RM100 tempat ketiga dan RM70 saguhati bagi tempat keempat dalam kategori 7 kilometer (km).

Manakala RM150 berserta medal pula buat juara kategori 5 km, RM100 kepada naib juara, RM80 bagi tempat ketiga dan saguhati RM50 untuk tempat keempat.

Menariknya, keluarga Amiruddin Nasir merangkul juara bagi kategori lelaki dewasa manakala isterinya Nor Syarifah Rozaki mengungguli kategori wanita dewasa. Masing-masing membawa pulang RM150 berserta medal. Anak mereka Noor Alia Natasha menduduki tempat ketiga kategori remaja dan membawa pulang RM80 berserta medal.

Acara berprestij berskala antarabangsa tersebut turut disertai pelumba dari Indonesia dan diurussetiakan oleh Kelab Sahabat Hikres Kelantan (K-Hikers).

Ekosistem pembangunan bakat anak muda Kelantan diperkasa melalui latihan kepimpinan, usahawan digital



Oleh: Mohamad Farhan Fauzai

KOTA DARULNAIM, 24 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan komited membangunkan ekosistem pembangunan bakat anak muda melalui latihan kepimpinan dan usahawan digital selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK).

Menurut Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Rakyat YB Zamakhshari Muhamad, usaha tersebut dilaksanakan melalui Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) dengan pelbagai pendekatan strategik yang meliputi latihan kepimpinan, pembangunan keusahawanan serta penggunaan teknologi.

digital.

“Usaha ini dilaksanakan melalui U-BeS dengan pelbagai pendekatan strategik yang menjurus kepada latihan kepimpinan, pembangunan keusahawanan serta penggunaan teknologi digital,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Norsham Sulaiman pada Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan Yang Kelmabelas Tahun 2025, pada Rabu.

Tambah beliau, kerajaan negeri telah mengenal pasti 19 kuasa penggerak di bawah Pelan Kelantan Future State 2033, dengan salah satu fokus utamanya adalah pemerkasaan generasi muda yang bersedia menghadapi cabaran masa depan.

“Kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program latihan kepimpinan bagi membentuk generasi pemimpin muda yang berpandukan syariat Islam melalui penuhan Kelantan Future Leaders Institute

(KFLI), yang merancang dan melaksanakan program kepimpinan secara bersasar dan berstrategik,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa antara program yang dilaksanakan termasuk Kelantan Future Leader Camp, Bootcamp, dan Academy, yang memberi latihan intensif kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta mahasiswa untuk membina nilai-nilai rabbani, kefahaman tanggungjawab sosial dan kenegaraan.

Setakat ini, seramai 150 peserta telah menyertai Kelantan Future Leaders Camp manakala 139 peserta mengikuti Bootcamp.

Selain pembangunan kepimpinan, kerajaan negeri turut menumpukan kepada aspek pembangunan keusahawanan selaras dengan aspirasi menjadikan belia sebagai pemangkin ekonomi negeri.

Antara inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk pro-

gram Kelantan Start-Up (K-Start), yang bertujuan menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia negeri ini.

“Pada masa yang sama, kerajaan negeri melalui U-BeS, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) turut mengajurkan pelbagai kursus keusahawanan untuk anak muda.

“Antaranya termasuk kursus aras digital, kemahiran gunting rambut lelaki dan wanita, bekam, perbidanan, bakeri serta kulinari,” ujarnya.

Tambah beliau, program Kelantan Youth Digitalpreneur pula memfokuskan kepada pembangunan bakat dan potensi anak muda dalam bidang keusahawanan digital melalui pendekatan bimbingan.

Ia bertujuan membolehkan belia memanfaatkan platform digital dan teknologi e-dagang bagi menjana pendapatan secara mampan dan berdaya saing.